



Versi Digital



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Pusat Kepimpinan
Akademik
(UTMLead)

BULETIN 2014

UTMLead

Jilid 10 / Bil. 1

JUN

PUSAT KEPIMPINAN AKADEMIK UTM (UTMLead), UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

2014



LATICE RCEE RHed 2014

International Conference on Learning and Teaching in Computing and Engineering (LaTICE) 2014 telah berlangsung di Riverside Majestic Hotel, Kuching, Sarawak dari 11 hingga 13 April 2014.

Berita penuh di halaman 4



WACANA KEPIMPINAN AKADEMIK

Sejak penubuhan Pusat Kepimpinan Akademik dan Pembangunan Profesional (CALPD), di bawah UTMLead, beberapa Siri Wacana Kepimpinan Akademik telah berjaya dilaksanakan.

Berita penuh di halaman 7



STATISTIK CAPs 2014

Analisa CAPs untuk Learning & Teaching (L&T) dan e-Learning sehingga bulan Jun 2014 yang telah dapat dijana untuk melihat tahap pencapaian KPI bagi setengah tahun 2014.

Berita penuh di halaman 8



UTMLead

PUSAT KEPIMPINAN AKADEMIK UTM


PERANAN CTL & CALPD

**DISELARASKAN DI BAWAH SATU PENGURUSAN
PUSAT KEPIMPINAN AKADEMIK UTM (UTMLead)**

Pusat Kepimpinan Akademik UTM atau UTMLead ditubuhkan dengan tujuan mengembangkan fungsi dan peranan sedia ada yang dimainkan oleh Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL). UTMLead tidak hanya menyediakan latihan berkualiti kepada staf akademik malah mengendalikan urusan Cuti Belajar, Cuti Sabatikal, Latihan Profesional dan Pasca Kedoktoran.



STRUKTUR ORGANISASI
PUSAT KEPIMPINAN AKADEMIK UTM (UTMLead)



UTMLead terdiri daripada dua buah pusat iaitu:

- Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (*Centre for Teaching and Learning*) atau singkatannya CTL. Terdapat dua unit yang bernaung di bawah CTL seperti berikut:
 - Unit Pengembangan Pembelajaran dan Pengajaran (*Advancement of Learning and Teaching*)
 - Unit Multimedia Kreatif dan Teknologi Pembelajaran (*Creative Multimedia and Learning Technology*)
- Pusat Kepimpinan Akademik dan Pembangunan Profesional (*Centre of Academic Leadership and Professional Development*) atau singkatannya CALPD. CALPD merangkumi dua unit di bawahnya seperti berikut:
 - Unit Kepimpinan Akademik dan Pembangunan Kompetensi (*Academic Leadership and Competency Development*)
 - Unit Pembangunan Profesional (*Professional Development*) yang merupakan gabungan Unit Pembangunan Profesional dan unit di BPMP yang menguruskan urusan berkaitan Cuti Belajar, Cuti Sabatikal, Latihan Ikhtisas dan Pasca Kedoktoran.

berita penuh di halaman 3

#PRAYFORMH370

www.facebook.com/UTMLead on Facebook

CTL : Pusat Pengajaran & Pembelajaran
ALT : Unit Pengembangan Pembelajaran dan Pengajaran
CMLT : Unit Multimedia Kreatif dan Teknologi Pembelajaran

CALPD : Pusat Kepimpinan Akademik & Pembangunan Profesional
ALCD : Unit Kepimpinan Akademik dan Pembangunan Kompetensi
PD : Unit Pembangunan Profesional

Sidang
Redaksi**Ketua Editor**

Prof. Dr. Mohamed Noor Hasan (mnoor@utm.my)

Pengarah Kanan

Prof. Dr. Mohd Salleh Abu (salleh@utm.my)

Editor

Dr. Zaleha Abdullah (zac@utm.my) [Penyelaras]
Prof. Dr. Mohd Zaki Kamsah (zaki@fkm.utm.my)
Prof. Madya Ir. Hayati Abdullah (hayati@fkm.utm.my)
Tn. Hj Yahya Samian (yahya@fkm.utm.my)
Dr. Noor Azean Atan (azean@fkm.utm.my)
En. Amir Hamzah Jamil (amir-hj@utm.my)

Pembantu Penerbitan

Ariffin Basserany (ariffin2@utm.my)
Nurhanin Ahmad (nurhanin@utm.my)
Mariyana Zainal (p-mariyana@utm.my)
Hashiela Kamarudin (hashiela@utm.my)
Noraini Khalid (noraini-k@utm.my)
Fadillah Ibrahim (fdilah@utm.my)

Grafik & Visual

Zul Azri A. Rahman (zulazri@utm.my)

Jurufoto

Mohd Gaffar Said (gaffarsaid@utm.my)
Supandi Bunangin (supandi@utm.my)

Pusat Kepimpinan Akademik UTM (UTMLead)
Bangunan Pusat Siswazah (F54)
81310 UTM Johor Bahru
Tel.: 07-5537593 / 37887
Faks: 07-5537860
Versi digital:
utmlead.utm.my/publications/bulletins/

*Perutusan***PENGARAH KANAN
UTMLead**

Dimensi baru berkaitan latihan pembangunan staf akademik di UTM telah bermula apabila penubuhan Kepimpinan Akademik UTM (UTMLead) berkuatkuasa pada 26 Januari 2014. UTMLead diberi mandat dan tanggungjawab merancang dan melaksanakan latihan pembangunan profesional staf akademik yang dahulunya dilaksanakan oleh pelbagai bahagian dan unit termasuk Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM), Bahagian Pembangunan Kelayakan Profesional (ProQ) dan Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL). Di antara aspek utama latihan yang diberi tumpuan ialah pembangunan dan pengembangan kompetensi staf akademik berkaitan pengajaran dan pembelajaran (P&P), penggunaan teknologi dalam P&P, penyeliaan pelajar pasca siswazah, penyelidikan dan penerbitan akademik, perundingan serta kepimpinan dalam pendidikan tinggi. UTMLead juga diberi tanggungjawab untuk membantu Universiti dalam merancang dan melaksanakan pelan penggantian (succession plan) bagi staf akademik secara teratur dan berkesan.



Struktur organisasi UTMLead dibangunkan bagi membolehkan UTMLead melaksanakan perancangan operasi dan strategik secara berkesan dan saling berkaitan melalui prinsip "penggunaan sumber secara optimal". UTMLead terdiri daripada dua pusat iaitu CTL dan Pusat Kepimpinan Akademik dan Pembangunan Profesional (CLPD). Di bawah UTMLead, fungsi dan peranan CTL sedia ada sebagai penyedia latihan dan perancang peningkatan kecemerlangan P&P (termasuk penggunaan teknologi dalam P&P) dikekalkan dan diperkasakan. CLPD pula berperanan merancang dan menyediakan latihan dan peningkatan kepimpinan pendidikan tinggi dan program pembangunan staf selain daripada P&P.

Di dalam merancang pelan operasi dan pelan strategik pembangunan staf akademik, dua fokus utama UTMLead ialah pembangunan dan penyuburan kompetensi teras dan pengoptimuman bakat dan potensi seseorang staf akademik. Untuk tujuan ini, UTMLead telah membangunkan kursus latihan wajib bagi semua staf akademik, khususnya yang berkaitan dengan pembangunan dan pengembangan kompetensi staf dalam P&P, penyeliaan pelajar pasca siswazah, penyelidikan dan penerbitan serta program berkaitan soul of academia dan kepimpinan pendidikan tinggi. UTMLead juga merancang pelbagai program latihan yang bertujuan membantu staf membangun, mengembang dan menyuburkan kompetensi berasaskan bakat dan potensi mereka.

UTMLead sedar bahawa kejayaan dalam melaksanakan mandat dan tanggungjawab yang diberikan oleh Universiti tidak akan dicapai dengan mudah. Kejayaan ini banyak bergantung kepada usaha berterusan dan komitmen yang tinggi daripada semua staf dalam membangunkan dan mengurus pelbagai sumber serta keupayaan menangani segala masalah, rintangan dan cabaran yang mendatang. Kejayaan ini juga amat bergantung kepada sokongan padu dan komitmen tinggi daripada pihak Pengurusan Tertinggi Universiti, Pentadbir Akademik dan semua golongan staf akademik.

Sekian.

Prof. Dr. Mohd Salleh Abu

Pengarah Kanan

Pusat Kepimpinan Akademik UTM (UTMLead)

Dari halaman depan

Fungsi & Peranan UTMLead

UTMLead bertanggungjawab:



Menyediakan latihan yang sistematik dan berkaitan, penasihat dan perkhidmatan kepada staf akademik seperti:

- latihan asas dan lanjutan berkenaan pengajaran dan pembelajaran
- penasihat dan penyeliaan penyelidikan pasca ijazah
- peningkatan kemahiran yang berkaitan penyelidikan dan penerbitan akademik

Membantu universiti dalam mewujudkan keperluan pembelajaran yang dikehendaki bagi menjayakan pelaksanaan New Academia



Memberi khidmat nasihat dan perkhidmatan dalam bidang berkaitan pengajaran dan pembelajaran.



Menggalakkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran budaya yang mendalam




Membantu Universiti:

- untuk meningkatkan bilangan staf dengan PhD
- untuk meningkatkan jumlah staf yang mempunyai kelayakan profesional
- dalam perancangan dan laluan kerjaya di kalangan staf
- melaksanakan plan penggantian staf akademik dan pentadbir akademik dengan berkesan



Memupuk dan memperkukuh kepimpinan dalam pengajaran dan pembelajaran serta kemahiran pengurusan di kalangan staf akademik

Menggalakkan dan menyokong budaya penyelidikan dan penerbitan akademik yang berorientasikan SOTL di kalangan staf



Talian UTMLead

Pejabat Pentadbiran

07-553 7854 (En. Amir), 07-553 7866 (En. Jalil) | Faks : 07-553 7860 | Emel : utmlead@utm.my

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL)

07-553 7853 (Pn. Hashiela) | hashiela@utm.my

Kursus / Latihan

07-553 7858 (Cik Priscilla) | priscilla@utm.my

IDG / EPPP / Anugerah

07-553 7593 (Pn. Fadillah) | fdillah@utm.my

UTM MIT BLOSSOMS

07-553 7885 (Dr. Zaleha) | zac@utm.my

e Learning / UTM OCW / UTMotion / Teknologi Pengajaran

07-553 7880 (Dr. Azean) | azean@utm.my

Pusat Kepimpinan Akademik dan Pembangunan Profesional (CALPD)

07-553 7856 (Pn. Noraini) | noraini-k@utm.my

Kursus / Latihan

07-553 7593 (Pn. Syafiza) | syafiza@utm.my

Cuti Belajar / Pasca Kedoktoran / Latihan Ikhtisas / Cuti Sabatikal

07-553 7755 (En. Ariffin) | ariffin2@utm.my

Pembangunan Kelayakan Professional Staf

07-553 7888 (Cik Nurhanin) | nurhanin@utm.my

Perkembangan Kompetensi Staf Akademik

07-553 7856 (Pn. Noraini) | noraini-k@utm.my

LaTiCE RCEERHed 2014 KUCHING MALAYSIA

International Conference on Learning and Teaching in Computing and Engineering (LaTiCE) 2014 telah berlangsung di Riverside Majestic Hotel, Kuching, Sarawak dari 11 hingga 13 April 2014. Konferen ini dilangsungkan seiring dengan *Regional Conference in Engineering Education & Research in Higher Education (RCEE & RHED) 2014*.

LaTiCE 2014 telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Sarawak yang diwakili oleh Menteri Wanita, Kebajikan dan Pembangunan Keluarga Sarawak, Yang Berhormat Datuk Fatimah Abdullah. Manakala UTM diwakili oleh YBhg Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Rose Alinda binti Alias selaku wakil rasmi Naib Canselor UTM. Turut hadir dimajlis perasmian konferen ini ialah Prof. Dr. Baharuddin bin Aris selaku Pengerusi Program LaTiCE 2014.

LaTiCE 2014 yang dianjurkan secara anjuran bersama oleh *Centre for Engineering Education (CEE)*, Sekolah Pengajian Siswazah (SPS), Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) dan Sarawak Convention Bureau (SCB) telah berjaya mengumpulkan seramai 150 orang peserta konferen dan 60 orang pembentang kertas kerja yang terdiri daripada ahli-ahli akademik, penyelidik dan pelajar pasca ijazah dalam dan luar negara.

LaTiCE 2014 telah menerima tajaan berupa sumbangan kewangan daripada pihak AKEPT sebanyak RM27,000.00 di samping penajaan buku program dan bayaran perkhidmatan IEEE sebanyak RM20,000.00. Selain AKEPT, sumbangan kewangan sebanyak RM18,000.00 diterima daripada SPS untuk bayaran yuran AJK LaTiCE 2014 sebagai pembentang kertas kerja dan program kali ini juga menerima sumbangan SCB untuk Beg Cenderahati, Pen, Buku Borneo Tom dan tiket kapal terbang profesor pelawat. Manakala perbelanjaan makan malam LaTiCE 2014 telah ditaja sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Para peserta juga telah diraikan dengan jamuan makan malam di atas bot River Cruise di sepanjang Sungai Sarawak dan berpeluang untuk menikmati suasana nyaman di waktu malam di Water Front yang merupakan salah satu destinasi pelancongan menarik di Bandar Sarawak. Peserta juga disajikan dengan pelbagai hidangan dan persembahan tarian tradisional Bumi Kenyalang.

Maklumat Lanjut, sila layari:
http://utmlead.utm.my/latice_rceerhed2014/



BLOSSOMS

berpotensi meningkatkan pemahaman bukan sahaja pelajar, malah guru dalam penyampaian matapelajaran STEM


Sehingga April 2014, terdapat sebanyak lapan video yang melibatkan staf UTM dan guru-guru dari Sekolah Berasrama Penuh, KPM telah dirakam dan telah dimuat naik ke laman web MIT BLOSSOMS, serta mendapat *Intellectual property (IP)*. Terdapat dua belas lagi video yang masih di dalam proses pembikinan.

Kumpulan MIT BLOSSOMS telah memberi pengiktirafan terhadap video-video yang dihasilkan oleh BLOSSOMS Malaysia. Berbanding negara lain seperti Jordan, Pakistan, Lebanon, Saudi Arabia, dan Brazil, hanya video BLOSSOMS dari Malaysia sahaja yang berjaya menerapkan nilai budaya dan kekeluargaan dalam pembelajaran STEM.

Pada masa yang sama, UTM juga menjalankan kajian bagi menguji keberkesanan pembelajaran BLOSSOMS. Antara hasil kajian mendapati bahawa guru-guru berpendapat BLOSSOMS mampu membantu pelajar dan juga guru dalam pengajaran dan pembelajaran STEM. Terdapat kalangan guru yang tidak mempunyai penguasaan pengetahuan STEM yang baik dan melalui BLOSSOMS, para guru didedahkan dengan kaedah Pemikiran Aras Tinggi (HOT) bagi membantu meningkatkan

penguasaan mereka dalam bidang yang berkaitan. Hasil kajian juga mendapati bahawa guru bukan sahaja perlu bimbingan yang rapi dalam menghasilkan video BLOSSOMS, malah mereka juga perlu diberi latihan dalam menyampaikan pengajaran melalui video BLOSSOMS di dalam kelas. Kaedah BLOSSOMS ternyata baru bagi pendidik di Malaysia dan usaha ini wajar diperluaskan sebagai salah satu langkah mempertingkatkan kualiti pendidikan negara terutama dalam bidang STEM dikalangan pelajar dan juga guru.

UTM mengalu-alukan penglibatan guru-guru di seluruh Malaysia dalam menghasilkan dan menggunakan lebih banyak video BLOSSOMS dalam pengajaran dan pembelajaran STEM di sekolah. Video yang dimaksudkan boleh dimuat turun daripada link berikut: <http://blossoms.mit.edu/videos> Sebarang persoalan boleh diajukan kepada email blossoms@utm.my atau di talian 07-5537885.



Laman web BLOSSOMS yang berpusat di MIT
(<http://blossoms.mit.edu>)



CALPD UTMLead

Unit Kepimpinan Akademik dan Pembangunan Kompetensi



Unit ini merupakan sebuah unit baharu di bawah CALPD yang menumpukan kepada pembangunan kemahiran kepimpinan di kalangan staf akademik. Jawatan pentadbir akademik adalah jawatan giliran dan secara umumnya staf akademik kurang atau tidak pernah didedahkan kepada kemahiran pengurusan dan kepimpinan yang merupakan elemen penting dalam pentadbiran sesebuah organisasi. Staf akademik lebih terdedah kepada kursus atau latihan yang membantu tugas harian mereka dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Justeru, unit Kepimpinan Akademik dan Pembangunan Kompetensi ditubuhkan bagi memantap dan meningkatkan kemahiran kepimpinan dan pengurusan di kalangan pentadbir akademik di fakulti dan sekolah. Unit ini juga dipertanggungjawabkan untuk menyediakan pelan peralihan pentadbir akademik seperti yang termaktub dalam *UTM Human Resource Blueprint 2013*. Di samping itu, unit ini ditugaskan untuk meningkatkan kemahiran staf akademik dalam menjalankan tugas harian selain daripada aktiviti pengajaran.

Antara aktiviti yang akan dijalankan adalah:

- Menyusun program latihan bagi
 - Meningkat kemahiran pemimpin akademik sedia ada yang terdiri dari Dekan, Timbalan Dekan, Ketua Jabatan dan Pengurus Program.
 - Pelan peralihan pemimpin akademik termasuk penyediaan *talent pool* dan *talent management*
 - Membangunkan kemahiran staf akademik dari segi:
 - Penasihat dan penyeliaan pelajar pasca siswazah berkesan
 - Kemahiran penyelidikan
 - Penerbitan akademik
 - Komersialisasi dan Keusahawanan
 - Memberi sumbangan kepada masyarakat
 - Pembangunan jiwa akademik, etika dan integriti
- Mengatur strategi bagi menonjolkan calon staf akademik cemerlang bagi penganugerahan di peringkat kebangsaan.

Unit Pembangunan Profesional, CALPD UTMLead

Unit Pembangunan Profesional (ProQ), Pusat Kepimpinan Akademik & Pembangunan Profesional (CALPD) UTMLead mempunyai 2 peranan utama:

- Merancang dan melaksanakan program bagi meningkatkan bilangan staf akademik berkelayakan profesional yang berdaftar dengan badan profesional dalam dan luar Negara.
- Merancang dan menguruskan perkembangan profesional melalui:
 - Program Cuti Belajar
 - Program Pasca Doktorat
 - Program Latihan Ikhtisas
 - Program Cuti Sabatikal

Sekalung Tahniah

Sekalung Tahniah kepada Prof. Madya Ir. Hayati Abdullah, Timbalan Pengarah CALPD UTMLead atas lantikan sebagai Pengerusi Institut Jurutera Malaysia (Cawangan Selatan) bagi Sesi 2014-2015. Beliau merupakan wanita pertama yang dilantik bagi memegang jawatan tersebut.



Sehingga Mei 2014, sebanyak 7 program telah dilaksanakan oleh Unit Pembangunan Profesional, CALPD UTMLead.

- Kursus Mandatori Lembaga Jurutera Malaysia (BEM): *Engineering Management Practice* (27-28 Januari 2014)



Peserta Kursus Mandatori BEM: *Engineering Management Practice*

- Program *Boost-Up Talent and Leadership Talk & Workshop* Program ini telah berlangsung pada 21 Februari 2014 di Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru.



Antara penceramah yang djemput termasuk Dato' Sri Syed Zainal Abidin, Dato' Ir. Ahmad Murad, Ir. Raftah, Ir. Faiz Amir, Ir. June, Ir. Sharifah Azlina, Ir. Juraimi, Engr. Hjh. Masilah dan Engr. Kaylyn.

- Taklimat Latihan Ikhtisas di Fakulti Kejuruteraan Kimia yang telah berlangsung pada 1 April 2014.
- Melaksanakan pra-bengkel penyediaan panduan dan peraturan program Pasca Doktorat pada 3 Jun 2014.
- Penghasilan panduan dan peraturan program Latihan Ikhtisas yang diedarkan melalui Pekeliling Pentadbiran Bil. 19/2014 bertarikh 21 Mei 2014.
- Pendaftaran Secara Pukul Sebagai Jurutera Siswazah Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) Telah berlangsung sempena Majlis Konvokesyen ke 52 UTM bermula pada 25-29 Mei 2014 di Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).
- Melaksanakan audit pengkalan data cuti belajar pada 5-7 Mei 2014.

WACANA

KEPEMIMPINAN AKADEMIK

Sejak penubuhan Pusat Kepimpinan Akademik dan Pembangunan Profesional (CALPD), di bawah Pusat Kepimpinan Akademik UTM (UTMLead) pada 26 Januari 2014, beberapa Siri Wacana Kepemimpinan Akademik telah berjaya dilaksanakan. Program kepemimpinan akademik ini telah membawakan isu-isu penting berkaitan kepimpinan di kalangan ahli akademik di UTM. CALPD akan menganjurkan beberapa siri kursus kepimpinan yang boleh dikategorikan kepada 9 yang utama iaitu *Teaching and Learning, Postgraduate Advising and Supervision, Research and Publication, Academic Leadership, Soul of New Academia, Ethics and Attitudes, Consultation and Commercialization, Entrepreneurship, People Skills* dan *Professional Qualification*. Terdapat 52 kursus yang telah di rancang untuk dilaksanakan oleh CALPD bagi kesemua kategori yang dinyatakan.

SIRI WACANA KEPEMIMPINAN AKADEMIK

TARIKH	TAJUK		HASIL PROGRAM
10 April 2014	"The Essentials of Quality Academic Leadership" Penceramah i. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed ii. Prof. Tan Sri Dr. Zulkefli bin A. Hassan		1. Meningkatkan dan memperkasakan kefahaman Pentadbir Akademik UTM mengenai peranan kepimpinan akademik dalam institusi pengajian tinggi. 2. Mempertingkatkan kesedaran dan kemahiran strategik kepimpinan akademik di kalangan Pentadbir Akademik di UTM.
21-22 April 2014	"Worldview of New Academia" Penceramah i. Prof. Dr. wan Mohd Nor bin Wan Daud ii. Prof. Dr. Mohd Zaini bin Othman iii. Prof. Dr. Tatiana Denisova iv. Prof. Madya Dr. Wan Suhaimi bin Wan Abdullah Fasilitator i. Prof. Madya Adi Setia bin Mohd Dom ii. Prof. Madya Dr. Syamsuddin bin Arif iii. Dr. Suleiman Mohamed Hussein Boaya		1. Membahaskan struktur asas pandangan dunia terhadap ilmu dan ketamadunan manusia 2. Menghuraikan kerangka pengetahuan masyarakat dunia 3. Menerangkan makna dan tujuan pendidikan yang holistik 4. Membicarakan konsep pendidikan tinggi serta dimensi ketamadunan 5. Mencadang penambahbaikan sistem pendidikan dan budaya kerja di universiti
20 Mei 2014	"Urus Tadbir Universiti : Peranan Senat" Penceramah Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed		1. Mengenalpasti punca kuasa Senat Universiti. 2. Menjalankan fungsi Senat Universiti secara menyeluruh. 3. Melaksanakan tanggungjawab sebagai ahli Senat dengan lebih berkesan. 4. Memainkan peranan yang berkesan sebagai wakil Senat Universiti dalam Jawatankuasa Tetap Senat.
15 Jun 2014	"UTM : Charting a Path Forward" Penceramah Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid Omar Naib Canselor, Universiti Teknologi Malaysia		1. Menghuraikan falsafah serta visi dan misi UTM 2. Menjalankan tugas sebagai pentadbir akademik secara berkesan dengan mengambil kira perkembangan dan arah tuju UTM 3. Memupuk semangat kerjasama dan kerja berpasukan di kalangan staf di bawah seliaan 4. Memainkan peranan sebagai agen untuk menerapkan DNA UTM di kalangan staf

ANALISA CAPs 2014: CAPs LEARNING & TEACHING (L&T)

BIL.	OBJEKTIF	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN (JUN 2014)
CAPs: Learning and Teaching				
1.	Meningkatkan Kualiti Pensyarah Dalam Pembelajaran & Pengajaran	Peratusan bajet penyelidikan universiti yang diperuntukkan bagi penyelidikan dan inovasi dalam P&P	1%	3.2% Jumlah geran bagi T&L/DPP sebanyak RM1,110,660
2.	Meningkatkan Kualiti Pensyarah Dalam Pembelajaran & Pengajaran	Peratusan program yang melaksanakan sekurang-kurangnya 5 amalan pembelajaran berimpak tinggi yang menyokong HSD.	75%	91% *62 program melaksanakan 5 amalan berimpak tinggi

CAPs E-LEARNING

BIL.	OBJEKTIF	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN (JUN 2014)
CAPs: e-Learning				
1.	Membangunkan e-kandungan bagi mengukuhkan proses Pembelajaran dan Pengajaran	Bilangan kursus yang dilaksanakan dalam mod Pembelajaran Teradun (Blended Learning)	1388 kursus	303 kursus dalam mod Pembelajaran Teradun (Blended Learning)

LAPORAN: EDUTAINMENT

Majlis Penyampaian hadiah pertandingan Edutainment Sem 1 2013/2014

Pada 29 Mei 2014 yang lalu, CTL telah mengadakan majlis penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan Edutainment Sem 1 Sesi 2013/2014 dalam dua kategori iaitu video dan aplikasi mudah alih (android). Dua orang fasilitator telah terlibat dalam pertandingan ini bagi membimbing pelajar membangunkan video dan aplikasi mudah alih iaitu Pn. Norah Md Noor daripada Fakulti Pendidikan dan Dr. Sarina Sulaiman daripada Fakulti Komputeran.

Sebanyak 5 produk video dan kebanyakannya berkaitan dengan "Hidup Sihat" telah dipertandingkan. Video edutainment yang terpilih sebagai pemenang Pemenang pertama bagi kategori video adalah Video bertajuk "Bantu Mula". Video ini memberikan penerangan mengenai langkah yang perlu diambil sekiranya berlaku kemalangan sehingga menyebabkan pengsan dalam pendekatan yang menghiburkan. Ahli kumpulan yang membangunkan video ini merupakan pelajar Tahun 4, Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sains Sukan yang terdiri daripada

Bagi kategori Aplikasi mudah alih pula, sebanyak 7 kumpulan menyertai pertandingan ini dan dimenangi oleh pelajar Tahun 2 Program Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Dan Keselamatan) yang membangunkan aplikasi mudah alih bernama *Speedy Spelling*.

Ketua	NORHAFIZAH BINTI MOHAMAD LAZI
Ahli Kumpulan	SITI MASTURA BINTI SHAARI MOHD HELMI BIN MOHD FAUZI

Pertandingan ini merupakan salah satu projek di bawah Akademia Baru bagi menggabungkan elemen pendidikan dan hiburan (edutainment) supaya sesuatu sesi pembelajaran itu menjadi lebih menyeronokkan dan menghiburkan. Dengan cara ini pelajar dapat meningkatkan penerimaan mereka dan seterusnya proses pembelajaran akan menjadi lebih berkesan. Tahniah kepada semua pelajar yang berjaya. Semoga pertandingan ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Ketua	NOOR ATIKA BINTI MD RADZI
Ahli Kumpulan	NURUL NADIA BINTI MOHD IKHWAN SANDRA CILLA BINTI ENDIRE SHAMIERUL AFIEDA BINTI MD GHANI



Contoh aplikasi mudah alih berbentuk edutainment yang dihasilkan oleh pelajar



Pn. Norah bersama pemenang-pemenang pertandingan Edutainment

LAWATAN:

Lawatan dari UNISMUH Universiti Makassar Indonesia

Pada 12 hingga 13 Januari 2014 Pusat Pengajaran & Pembelajaran (CTL) telah menerima beberapa orang pelawat dari UNISMUH Universiti Makassar Indonesia. Sepanjang lawatan mereka ke UTM beberapa agenda yang dirancang telah dilaksanakan antaranya Ceramah oleh Rektor UNISMUH yang telah diadakan di Bilik Mesyuarat CTL.



Rektor UNISMUH dan delegasi bergambar di Studio Rakaman CTL

Lawatan UTeM dan USIM ke UTMLead

Pada 17 April 2014 yang lalu UTMLead telah menerima kunjungan daripada Universiti Teknikal Malaysia, Melaka. Kumpulan seramai 20 orang ini terdiri daripada Pegawai, staf dan pelajar UTeM. Tujuan lawatan diadakan adalah untuk mempelajari dan meneliti kemudahan dan perkhidmatan yang UTMLead - CTL miliki dalam memperkasakan Pengajaran dan Pembelajaran.

Lawatan dari pihak USIM pula telah UTMLead terima pada 25 Februari 2014. Lawatan yang bertujuan untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai program yang pihak UTMLead telah laksanakan seperti OCW dan MOOCs.



Lawatan Kerja PPPA Universiti Malaysia Terengganu

UTMLead telah menerima kunjungan lawatan kerja dari Pusat Perancangan dan Pembangunan Akademik (PPPA) UMT pada 9 haribulan Jun 2014 yang lalu. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk mempelajari Sistem OBE yang diamalkan di UTM. Mereka juga telah melawat beberapa kelas / learning spaces untuk pelaksanaan OBE. Semoga dengan perkongsian ilmu di antara UTM dan UMT dapat menjalinkan kerjasama yang lebih rapat pada masa yang mendatang.



Lawatan Susulan MIT BLOSSOMS

Prof. Richard Larson dan Elizabeth Murray



Professor Richard Larson dan Elizabeth Murray telah melakukan lawatan susulan ke UTM pada 2 dan 3 Januari 2014. Lawatan yang dilakukan adalah bertujuan untuk memperbincangkan kemajuan projek BLOSSOMS di Malaysia dan juga memperkenalkan BLOSSOMS kepada lebih ramai guru dan pensyarah.

Prof. Daniel Frey



Professor Daniel Frey memberikan komen kepada peserta bengkel

Pada 11 hingga 13 Jun 2014, satu bengkel Blossoms telah dijayakan dengan kerjasama antara UTM dan Bahagian Sekolah Berasrama Penuh (SBP), KPM. Bengkel tersebut telah diadakan di Empress Hotel, Sepang dengan dihadiri oleh seramai 27 orang guru. Professor Daniel Frey daripada MIT telah menghadiri bengkel tersebut sebagai pakar kandungan STEM. Beliau telah memberikan maklumbalas yang berguna bagi memperbaiki dokumen BLOSSOMS yang dihasilkan oleh setiap peserta.

Kursus

KURSUS / BENGKEL ANJURAN PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (CTL) JANUARI 2014 – JUN 2014

BIL.	KURSUS / BENGKEL LATIHAN	TARIKH KURSUS	TEMPAT KURSUS	BIL. KEHADIRAN
LATIHAN STAF AKADEMIK				
1.	BASIC E-LEARNING@UTM	19 FEBRUARI 2014	MAKMAL KOMPUTER CTL	35 ORANG
2.	E-LEARNING@UTM MANAGEMENT	27 FEBRUARI 2014	BILIK BENGKEL CTL	24 ORANG
3.	E-LEARNING@UTM HELP DESK	3 MAC 2014	MAKMAL KOMPUTER CTL	23 ORANG
4.	TEACHING PORTFOLIO WORKSHOP	16 MAC 2014	BILIK BENGKEL CTL	23 ORANG
5.	BLOSSOMS MODULE DEVELOPMENT WORKSHOP	19 – 20 MAC 2014	BILIK BENGKEL CTL	15 ORANG
6.	IPAD FOR TEACHING AND LEARNING	25 MAC 2014	BILIK BENGKEL CTL	31 ORANG
7.	MOBILE LEARNING CONTENT APPS DEVELOPMENT	26 MAC 2014	BILIK BENGKEL CTL	29 ORANG
8.	BASIC E-LEARNING@UTM KUALA LUMPUR	7 APRIL 2014	MAKMAL CICT 2 UTMKL	14 ORANG
9.	NEW ACADEMIA WORKSHOP – THINKING SKILLS	6 – 7 APRIL 2014	DEWAN TEATER 2, IBNU SINA UTM	33 ORANG
10.	BENGKEL PROBLEM BASED LEARNING	8 APRIL 2014	BILIK BENGKEL CTL	12 ORANG
11.	BENGKEL FLIP CLASSROOM	14 APRIL 2014	BILIK BENGKEL CTL	24 ORANG
12.	OBE ASSESSMENT – PREPARING FINAL EXAM	29 APRIL 2014	C19-314 FAKULTI SAINS	31 ORANG
13.	BENGKEL PENYEDIAAN BAHAN PEMBELAJARAN (OCW)	29 – 30 APRIL 2014	BILIK BENGKEL CTL	24 ORANG
14.	ADVANCED E-LEARNING@UTM	12 MEI 2014	MAKMAL KOMPUTER CTL	35 ORANG
15.	KURSUS ASSESSMENT & CQI	15 MEI 2014	BILIK SEMINAR C23 FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL	52 ORANG
16.	KURSUS WEB 2.0 FOR TEACHING & LEARNING: SOCIAL MEDIA & BLOG	20 MEI 2014	MAKMAL KOMPUTER CTL	30 ORANG
17.	KURSUS WEB 2.0 FOR TEACHING & LEARNING: SURVEY/VOTING & COLLABORATION	21 MEI 2014	MAKMAL KOMPUTER CTL	27 ORANG
18.	BENGKEL PENYEDIAAN MODUL SPPT	10 – 11 JUN 2014	BILIK BENGKEL CTL	13 ORANG
19.	BLOSSOMS REFINEMENT WORKSHOP	11 – 13 JUN 2014	EMPRESS HOTEL, SEPANG	27 ORANG
20.	BENGKEL PENYEDIAAN BAHAN PEMBELAJARAN (OCW)	18 – 19 JUN 2014	BILIK BENGKEL CTL	18 ORANG
21.	OBE IMPLEMENTATION WORKSHOP – REVIEW & ENHANCEMENT	23 – 24 JUN 2014	BILIK BENGKEL CTL	18 ORANG
22.	BASIC E-LEARNING@UTM KUALA LUMPUR	23 – 24 JUN 2014	UTM KL	80 ORANG

KURSUS / BENGKEL ANJURAN PUSAT KEPIMPINAN AKADEMIK DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL (CALPD) JANUARI 2014 – JUN 2014

BIL.	KURSUS / BENGKEL LATIHAN	TARIKH KURSUS	TEMPAT KURSUS	BIL. KEHADIRAN
LATIHAN STAF AKADEMIK				
1.	KURSUS MANDATORI BEM : ENGINEERING MANAGEMENT PRACTICE	27-28 JANUARI 2014	DEWAN CTL	67 ORANG
2.	TAKLIMAT LATIHAN IKHTISAS STAF AKADEMIK	1 APRIL 2014	FKK, UTM	20 ORANG
3.	KURSUS KEPIMPINAN AKADEMIK	10 APRIL 2014	PUSAT LATIHAN, HCD	32 ORANG
4.	WACANA WORLDVIEW OF NEW ACADEMIA	21 – 22 APRIL 2014	DEWAN BANQUET, UTM	37 ORANG
5.	WACANA URUS TADBIR UNIVERSITI : PERANAN SENAT	20 MEI 2014	DEWAN SENAT	26 ORANG
6.	KURSUS PUBLIC SPEAKING	1 JUN 2014	DEWAN UTAMA, PUSAT LATIHAN	9 ORANG
7.	BENGKEL PEMURNIAN INSTRUMEN POST-DOCTORAL	3 JUN 2014	PUSAT LATIHAN, HCD	15 ORANG
8.	UTM : CHARTING A PATH FORWARD	15 JUN 2014	DEWAN BANKUET, UTM	54 ORANG

Perlantikan dan Perpindahan Staf UTMLead

PELANTIKAN BAHARU/SEMULA UTMLEAD

BIL.	NAMA STAF	JAWATAN	TARIKH PELANTIKAN
1	Prof. Dr. Mohd Salleh bin Abu	Pengarah Kanan	15 Jan 2014 - 14 Jan 2016
2	Prof. Dr. Mohamed Noor bin Hasan	Pengarah CTL	15 Feb 2014 - 14 Feb 2016
3	Tn. Hj. Yahya bin Samian	Timbalan Pengarah CTL	15 Feb 2014 - 14 Feb 2016
4	Prof. Dr. Mohd Zaki bin Kamsah	Pengarah CALPD	15 Feb 2014 - 14 Feb 2016
5	PM Ir. Hayati binti Abdullah	Timbalan Pengarah CALPD	15 Feb 2014 - 14 Feb 2016

PERPINDAHAN MASUK

BIL.	NAMA STAF	JAWATAN	TARIKH BERKUATKUASA
1	En. Amir Hamzah bin Jamil	Timbalan Pendaftar	16 Feb 2014
2	En. Ariffin bin Basserany	Penolong Pendaftar Kanan	2 Mac 2014
3	Cik Nurhanin binti Ahmad	Penolong Pendaftar	2 Mac 2014
4	Pn. Mariyana binti Zainal	Setiasusaha Pejabat Pengarah Kanan	2 Mac 2014
5	Pn. Balqis binti Hashim	Pembantu Tadbir CALPD	2 Mac 2014
6	Pn. Noor Hafizah Izyan binti Othman	Pembantu Tadbir CALPD	5 Mei 2014

CUTI TANPA GAJI BAGI MENGIKUT PASANGAN BELAJAR DI LUAR NEGARA



Mohamad Yusoff bin Mohamed Rashid

En. Mohamad Yusoff bin Mohamed Rashid merupakan Penolong Pendaftar di Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL). Beliau kini sedang bercuti tanpa gaji berkuatkuasa dari 1 Mac 2014 hingga 31 September 2016. Cuti tanpa gaji yang diambil adalah bertujuan mengikuti pasangannya yang sedang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD) di Tokyo Metropolitan University, Jepun.

PERPINDAHAN KELUAR



Prof. Dr. Baharuddin bin Aris

Tahniah kepada Prof. Dr. Baharuddin bin Aris kerana telah dilantik sebagai Dekan Fakulti Pendidikan bagi tempoh dua tahun mulai 15 Jan 2014 hingga 14 Jan 2016. Beliau sebelum ini merupakan Pengarah di Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL) sejak 1 September 2009. Sepanjang 4 tahun dan 4 bulan menerajui CTL beliau telah berjaya menjenamakan CTL ke peringkat antarabangsa. Jasa beliau akan sentiasa dikenang.



Sati Zaitun binti Harjin

Setelah 14 tahun berkhidmat di Pusat Pengajaran & Pembelajaran (CTL), Pn. Sati Zaitun binti Harjin telah berpindah ke Fakulti Pendidikan, UTM pada 2 Mac 2014, bagi memperkembangkan lagi kerjaya beliau. Beliau kini bertugas di Pejabat Dekan Fakulti Pendidikan sebagai Pembantu Khas Dekan. Kami di UTMLead mendoakan beliau akan lebih cemerlang berkhidmat di tempat baharu.

Liputan Media



UTM adopts latest teaching tool
BY DARUL LAM & CHRISTOPHER USOH
KINCHING The quality of teaching and learning is a key priority for the University of Technology Malaysia (UTM) as it seeks to enhance the teaching and learning process.

UTM Deputy Vice-Chancellor (Academic), Prof. Dr. Rose Alinda Ali said this in her speech at a dinner held in conjunction with the International Conference on Teaching in Computing and Engineering (ICTICE) held at Riverside Majestic here on Friday.

"The aim of this video lesson is to introduce high school students to the chemistry concept."



Sarawak perlu tenaga profesional, mahir
Permintaan dijangka mencecah 29,300 dalam lima tahun akan datang, kata Adenan

Adenan berkata, Sarawak memerlukan lebih ramai tenaga profesional dan mahir untuk menghadapi cabaran pendidikan di masa hadapan. Beliau berkata, permintaan tenaga profesional di Sarawak dijangka mencecah 29,300 dalam lima tahun akan datang.




Teachers blossom with help of videos
BLOSSOMS PROJECT: MIT and UTM create open source, technology-based lessons for classrooms

Prof. Dr. Baharuddin bin Aris berkata, projek BLOSSOMS ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Beliau berkata, projek ini melibatkan kerjasama antara MIT dan UTM untuk mencipta sumber pembelajaran berasaskan teknologi.




Adenan: SCORE short of 27,600 engineers

Adenan berkata, skor yang diperolehi oleh calon-calon dalam ujian masuk ke universiti teknikal menunjukkan bahawa masih banyak lagi yang perlu dipelajari untuk menghadapi cabaran dunia profesional.



Varsities overemphasising research, says academic

Academic ini berpendapat bahawa universiti seharusnya lebih menekankan kepada aspek pengajaran dan pembelajaran praktikal berbanding dengan penyelidikan semata-mata.



Adenan: Education is key

Adenan berkata, pendidikan adalah kunci kepada kejayaan dan kemajuan negara. Beliau menekankan pentingnya kualiti pendidikan dalam menghadapi cabaran global.

NewsHub - UTM News Portal | BLOSSOMS Malaysia is No. 1 in celebrating Malaysian culture and...




SELAMAT MENYAMBUT RAMADHAN AL MUBARAK

PUSAT KEPIMPINAN AKADEMIK UTM (UTMLead)

STRUKTUR BAHARU AJK TERTINGGI KAPPELLA 2014-2015

Berkuatkuasa 1 Januari 2014, Kelab Keluarga Pengajaran dan Pembelajaran (KAPPELLA) telah bersetujumelantik ahli jawatan kuasa baharu menggantikan ahli jawatan kuasa penggal 2011/13. Ahli kelab sebulat suara telah melantik En. Jeffri Abdul Rahman @ Idris bagi menerajui Kappella penggal 2014/15 selaku pengerusi kelab, Pn Norafeza Mohamed Ismail telah dilantik sebagai setiausaha kelab, manakala Pn Syafiza Idrus sebagai bendahari dan En Nizam Ahmad sebagai timbalan bendahari. Semoga Kappella di bawah kepimpinan teraju baru dapat terus merancang arah tujuan kelab ke arah yang lebih baik. Jawatan Timbalan Pengerusi adalah jawatan yang diikhaskan kepada pentadbir semasa di mana telah disandang oleh En. Amir Hamzah Jamil yang kini merupakan Timbalan Pendaftar Pusat Kepimpinan Akademik UTM (UTMLead).



ROMBONGAN KE CYBERJAYA, PUTRAJAYA

Majlis Perkahwinan Anak Mantan Pengarah CTL

Pada tanggal 1 Februari 2014 telah berlangsung majlis memeterai ikatan perkahwinan Elisya Syirin binti Baharuddin iaitu puteri kepada Prof. Dr. Baharuddin bin Aris, selaku mantan Pengarah CTL.

Majlis yang meriah, berlatar belakangkan suasana tasik yang damai serta alunan muzik yang tenang telah diadakan di Pusat Informasi, Taman Tasek Cyberjaya, Cyberjaya. Kelab Keluarga Pengajaran dan Pembelajaran (KAPPELLA) telah mengaturkan untuk warga CTL turut sama memeriahkan lagi majlis tersebut. Seramai 28 orang staf bersama keluarga masing-masing telah dapat menghadiri diri. Kenangan yang manis dirakamkan hasil dari layanan yang baik pasangan pengantin dan keluarga.

Pihak KAPPELLA merakamkan ucapan sekalung tahniah dan dengan iringan doa semoga pasangan pengantin dan keluarga beroleh kebahagiaan dan keberkatan dari Allah SWT.



Majlis perkahwinan anak perempuan kepada mantan Pengarah CTL

PERTANDINGAN BOLING KAPPELLA 2014

Juara Keseluruhan Milik Timbalan Pengarah CALPD

Pada 24 May 2014, Kelab Keluarga Pengajaran dan Pembelajaran (KAPPELLA) telah menganjurkan Pertandingan Boling KAPPELLA 2014. Aktiviti tahunan ini telah diadakan di Angsana Bowl, Plaza Angsana Johor Bahru.

Acara ini telah menerima sambutan yang positif. Pertandingan ini telah dijalankan seawal jam 11 pagi dan berakhir pada 2 petang. Peserta memperlihatkan bakat dengan kutipan jatuhan pin yang memberangsangkan.

Bagi kategori lelaki johan dimenangi oleh En. Nor Aswad Ahmad, naib johan En. Shahrie Zaniel dan tempat ketiga En. Nizam Ahmad. Johan bagi Kategori wanita berjaya dimenangi oleh PM Ir. Hayati Abdullah, naib johan Pn. Fadillah Ibrahim dan tempat ketiga Pn. Noraini Khalid yang masing-masing berjaya membawa pulang hadiah berupa piala dan wang tunai. KAPPELLA juga memperkenalkan satu kategori baharu iaitu juara kategori kanak-kanak yang berjaya dibawa pulang oleh adik Aiman, anak kepada Pn. Norafeza. Tujuh hadiah bagi cabutan bertuah juga disampaikan. Juara keseluruhan pertandingan kali ini disandang oleh PM Ir. Hayati Abdullah yang berjaya membawa pulang piala pusingan.



Peserta pertandingan boling staf UTMLead dan ahli keluarga